



UNTUK EDARAN  
SEGERA

## SIARAN MEDIA

### LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA UMUM KEMUDAHAN BAHARU PENGELUARAN DALAM PERKHIDMATAN (Kemudahan Pengeluaran Haji dan Pengeluaran Pendidikan)

**KUALA LUMPUR, 14 April 2022:** Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), dengan kelulusan Menteri Pertahanan, hari ini mengumumkan dua (2) kemudahan pengeluaran dalam perkhidmatan baharu iaitu, **Pengeluaran Haji** dan **Pengeluaran Pendidikan**. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha penambahbaikan skim persaraan LTAT serta memberikan nilai tambah untuk kesejahteraan pencarumnya.

Pengerusi LTAT, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor (Bersara), berkata, "LTAT komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pencarum. Kita mendukung aspirasi Kerajaan untuk memastikan kebajikan mereka sentiasa diutamakan. Kami di LTAT berharap kedua-dua kemudahan pengeluaran ini boleh dimanfaatkan sebaik-baiknya dan memberikan nilai tambah baik dari segi sosio-ekonomi, keberadaan keluarga mahupun kesejahteraan spiritual."

**Pengeluaran Haji LTAT** merupakan kemudahan pengeluaran dalam perkhidmatan yang disediakan LTAT untuk membenarkan pencarumnya yang layak mengeluarkan sebahagian simpanan persaraan mereka daripada Tabung Angkatan Tentera bagi membiayai kos menunaikan ibadah fardhu Haji.

Terma dan syarat utama bagi kemudahan **Pengeluaran Haji LTAT** bagi tujuan mengerjakan ibadah fardhu Haji adalah seperti berikut:

- Jumlah pengeluaran maksimum dihadkan kepada RM10,000 sahaja.
- Pencarum juga perlu mencarum sekurang-kurangnya 15 tahun dengan LTAT.
- Hanya pencarum yang telah menerima surat pengesahan tawaran mengerjakan haji daripada Lembaga Tabung Haji (LTH) sahaja boleh mengeluarkan simpanan persaraan bagi tujuan ini.

**Pengeluaran Pendidikan LTAT** membolehkan pencarum yang layak mengeluarkan sebahagian simpanan persaraan mereka daripada Tabung Angkatan Tentera bagi pembayaran balik jumlah yuran pendaftaran untuk Semester 1 bagi tahun pertama (*reimbursement on enrolment fee*) bagi pencarum yang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di Universiti Awam Tempatan. Langkah ini adalah sebagai inisiatif untuk meringankan komitmen kewangan bagi pencarum yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Terma dan syarat utama bagi **Pengeluaran Pendidikan LTAT** seperti berikut:

- Pencarum yang mengikuti peringkat pengajian tinggi (Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana atau PhD) di universiti awam tempatan.
- Bayaran balik untuk yuran pendaftaran tahun pertama (yuran pendaftaran) sahaja.
- Jumlah pengeluaran maksimum dihadkan kepada RM3,200 sahaja

Kedua-dua pengeluaran ini hanya dibenarkan sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan serta tertakluk kepada had baki caruman di dalam Akaun 2. Berkuatkuasa pada 1 April 2022, akaun caruman ahli LTAT telah dibahagikan kepada Akaun 1 (60%) dan Akaun 2 (40%).

Tarikh kuatkuasa bagi kedua-dua pengeluaran ini adalah pada **15 April 2022**.

**LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA**  
**14 APRIL 2022**

## **Mengenai LTAT**

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota Lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia serta anggota kerahan sukarela-

Di bawah skim LTAT, pencharum wajib dikehendaki mencarum 10% daripada gaji bulanan dan Kerajaan akan mencarum sebanyak 15% sebagai majikan kepada LTAT. Di bawah skim simpanan bagi pencharum sukarela, simpanan dibenarkan sekurang-kurangnya RM25 sebulan sehingga had maksimum RM2,000 sebulan. LTAT menguruskan hampir RM9.7 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat Disember 2021, dengan portfolio pelaburan merangkumi pelbagai industri seperti pembangunan hartanah, perladangan, farmaseutikal, perbankan dan urusniaga kewangan serta industri berat.

LTAT menawarkan aplikasi MyWIRA yang memberi kemudahan kepada pencharum untuk mengakses akaun mereka di mana sahaja, pada bila-bila masa. Aplikasi MyWIRA ini adalah merupakan alternatif kepada platform atas talian sediaada LTAT seperti e-Kiosks dan i-Wira.

### **PERHUBUNGAN MEDIA:**

Pn. Nurin Mastura  
Pengurus, Komunikasi  
Jabatan Komunikasi  
Lembaga Tabung Angkatan Tentera  
Tingkat 8, Bangunan LTAT  
Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur

E-mel: [nurin@ltat.org.my](mailto:nurin@ltat.org.my)  
Laman web: [www.ltat.org.my](http://www.ltat.org.my)